

**PENTADBIRAN JENAYAH DI KELANTAN,
1902-1941**

MOHAMAD EHSAN BIN ZAKARIA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

**PENTADBIRAN JENAYAH DI KELANTAN,
1902-1941**

oleh

MOHAMAD EHSAN BIN ZAKARIA

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

JULAI 2016

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, penulis dapat menyiapkan tesis ini. Di kesempatan ini penulis ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr. Nik Haslinda Binti Nik Hussain selaku penyelia kepada tesis ini yang sanggup mengorbankan masa dan tenaga serta memberi bimbingan yang tidak terhingga sehinggalah tesis ini berjaya untuk disiapkan. Ucapan penghargaan ini juga ditujukan juga kepada barisan pensyarah-pensyarah sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia terutamanya kepada Dr. Muhamad Hasrul Bin Zakariah kerana turut memberi panduan dan bimbingan yang berguna kepada penulis dalam usaha untuk menghasilkan tesis ini.

Tidak lupa juga, penulis turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang membantu dari segi nasihat, bersengkang mata mendengar keluhan serta memberi penyelesaian terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh penulis dalam menghasilkan tesis ini. Antara nama yang ingin ditonjolkan di sini adalah seperti Siti Munirah Binti Razali dan Mohd Sairol Azmi. Jutaan terima kasih juga kepada ayahanda dan bonda iaitu Abdul Aziz Bin Deraman dan Hasnah Binti Daud kerana memberi sokongan kepada penulis yang tidak terhingga siang dan malam.

Sehubungan dengan itu, penulis juga ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua kakitangan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur yang banyak membantu penulis dalam pencarian bahan-bahan untuk tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada kakitangan Pusat Sumber Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia serta kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,

Universiti Sains Malaysia yang turut membantu penulis secara langsung atau tidak langsung.

Akhir kata, kepada rakan atau sesiapa sahaja yang telah memberikan kerjasama kepada penulis yang tidak disebut namanya di sini, penulis mengucapkan ribuan terima kasih dan menghargai jasa baik kalian semua. Hanya Allah sahaja yang mampu untuk membalas jasa baik mereka ini dan diharapkan mendapat ganjaran yang setimpalnya di Akhirat nanti.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
KEPENDEKAN	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI LAMPIRAN	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI PETA	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Sorotan Literatur	14
1.3 Pemasalahan Kajian	21
1.4 Objektif Kajian	23
1.5 Skop Kajian	24
1.6 Metodologi Kajian	25
1.7 Kepentingan Kajian	26
1.8 Struktur Organisasi Kajian	27
BAB 2 SISTEM PERUNDANGAN DAN PENTADBIRAN KESELAMATAN, 1902-1941	
2.1 Pengenalan	30
2.2 Kelantan di Bawah Pentadbiran W. A. Graham (1902-1908)	32
2.3 Pembaharuan dan Penyusunan Pentadbiran Keselamatan dan Sistem Perundangan Semasa Pentadbiran W. A. Graham (1902-1908)	35

2.3.1	Jabatan Polis	36
2.3.2	Jabatan Kehakiman	38
2.3.3	Jabatan Penjara	44
2.4	Kelantan di Bawah Pentadbiran Penasihat British (1909-1941)	47
2.4.1	Sistem Perundangan dan Kehakiman di Bawah Pentadbiran British (1909-1941)	53
2.4.2	Sistem Polis di Bawah Pentadbiran British (1909-1941)	58
2.4.3	Sistem Penjara di Bawah Pentadbiran British (1909-1941)	63
2.5	Kesimpulan	65

BAB 3 MASYARAKAT DAN JENAYAH DI KELANTAN, 1902-1941

3.1	Pengenalan	67
3.2	Jenayah di Kelantan	68
3.3	Identiti Penjenayah	74
3.4	Sosioekonomi Masyarakat Kelantan di Bawah Pentadbiran W. A. Graham (1902-1908)	83
3.5	Sosioekonomi Masyarakat Kelantan di Bawah Pentadbiran British (1909-1941)	87
3.6	Pembaharuan Politik dan Ekonomi di Peringkat Bawahan (1916-1941)	97
3.7	Kesimpulan	103

BAB 4 JENAYAH MENCURI LEMBU, 1902-1941

4.1	Pengenalan	104
4.2	Jenayah Mencuri Lembu	105
4.3	Kepentingan Lembu dalam Masyarakat Kelantan	106
4.4	Jenayah Mencuri Lembu Semasa Pentadbiran W. A. Graham (1902-1908)	108
4.5	Senario Jenayah Mencuri Lembu semasa Pentadbiran British (1909-1941)	114

4.5.1	Penurunan Jumlah Jenayah Mencuri Lembu di Bawah Pentadbiran British	123
4.5.2	Peningkatan Semula Jumlah Jenayah Mencuri Lembu di Bawah Pentadbiran British	133
4.6	Hubungan Antara Jenayah Mencuri Lembu dengan Jenayah Mencuri Harta Benda Lain	137
4.6.1	Senario Jenayah Mencuri Harta Benda Lain di Bawah Pentadbiran British di Kelantan (1909-1941)	138
4.7	Kesimpulan	150
BAB 5 JENAYAH LAIN-LAIN SERTA KESAN JENAYAH TERHADAP EKONOMI PENTADBIRAN BRITISH DI KELANTAN, 1909-1941		
5.1	Pendahuluan	152
5.2	Jenayah Protes dan Kekacauan	153
5.1.1	Jenayah Protes Secara Langsung	154
5.1.2	Jenayah Protes Secara Tidak Langsung	161
5.3	Jenayah Merompak dan Pecah Rumah	169
5.4	Jenayah Menyerang dan Mencederakan	181
5.5	Jenayah Membunuh	186
5.6	Kesan Jenayah Terhadap Ekonomi Pentadbiran British (1916-1941)	190
5.7	Kesimpulan	201
BAB 6 RUMUSAN		203
BIBLIOGRAFI		209
LAMPIRAN		214

KEPENDEKAN

A.R.K	<i>Annual Report Kelantan</i>
B. A. K	<i>British Adviser of Kelantan</i>
C.O	<i>Colonial Office</i>
HCO	<i>High Commissioner's Office</i>
Hlm	Halaman
KEL	Kelantan
MBRAS	<i>The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society</i>
MIH	<i>Malaysia in History</i>
UNJK	Undang-Undang Jenayah Kelantan
SUK	Setiausaha Kerajaan Kelantan

SENARAI RAJAH

	Halaman
BAB 2:	
Rajah 2.1 Struktur Mahkamah Semasa Pentadbiran W. A. Graham (1903-1908)	40
Rajah 2.2 Struktur Mahkamah Semasa Pentadbiran British	57
BAB 4:	
Rajah 4.1 Jumlah Keseluruhan Kes Jenayah, 1921-1936	149
BAB 5:	
Rajah 5.1 Carta Aliran Jenayah di Kelantan, 1910-1941	188

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran 1: Senarai Nama Penasihat-Penasihat British di Kelantan (1909-1939)	215
Lampiran 2: Sultan-Sultan Kelantan, 1800-1941	216

SENARAI JADUAL

	Halaman
BAB 1:	
Jadual 1.1 Statistik Jenayah di Kelantan 1911-1915	12
BAB 3:	
Jadual 3.1 Jenayah Rasuah di Kelantan, 1908-1915	71
Jadual 3.2 Statistik Jenayah Pemalsuan Duit Syiling, 1913-1915	73
Jadual 3.3 Jumlah Penduduk Kelantan, 1934-1938	75
Jadual 3.4 Jumlah Buruh Mengikut Kaum, 1934-1938	77
Jadual 3.5 Jumlah Banduan Mengikut Bangsa, 1932-1938	78
Jadual 3.6 Nisbah Jenayah Mengikut Kaum, 1937	78
Jadual 3.7 Jumlah Banduan Wanita, 1932-1938	79
Jadual 3.8 Nisbah Jenayah Mengikut Kawasan Pada Tahun 1932	81
Jadual 3.9 Jenis-Jenis Jenayah, 1910-1920	82
BAB 4:	
Jadual 4.1 Statistik Jenayah di Kelantan, 1904-1908	112
Jadual 4.2 Jumlah Keluasan Penanaman Padi, 1911	122
Jadual 4.3 Statistik Jenayah Mencuri Lembu, 1914-1922	125
Jadual 4.4 Statistik Jenayah Mencuri Lembu di Ulu Kelantan, 1924-1926	132
Jadual 4.5 Jumlah Hasil Padi, 1925-1929	134
Jadual 4.6 Statistik Jenayah Mencuri di Kelantan, 1910-1915	141
Jadual 4.7 Statistik Jenayah Mencuri di Kelantan, 1916-1920	144
Jadual 4.8 Stasisitk Jenayah Mencuri di Kelantan, 1926-1938	148
Jadual 4.9 Jumlah Keseluruhan Kes, 1926-1938	148

BAB 5:

Jadual 5.1 Jumlah Perbicaraan Kes di Mahkamah Pasir Puteh, 1906-1915	157
Jadual 5.2 Statistik Kekacauan di Kelantan, 1910-1920	168
Jadual 5.3 Statistik Jenayah Merompak di Kelantan, 1910-1939	170
Jadual 5.4 Statistik Jenayah Menyerang dan Mencederakan, 1909-1937	182
Jadual 5.5 Statistik Jenayah Bunuh di Kelantan, 1909-1939	187
Jadual 5.6 Kos bagi Kerosakan/Baikpulih Akibat Protes di Pasir Puteh, 1916	192
Jadual 5.7 Hutang Kerajaan Kelantan	194
Jadual 5.8 Jumlah Hasil, Perbelanjaan dan Hutang 1910-1919	195
Jadual 5.9 Hasil dan Perbelanjaan Pasukan Polis Kelantan, 1917-1920	199
Jadual 5.10 Jumlah Hasil Kutipan Sewa Tanah, 1910-1916	199
Jadual 5.11 Jumlah Hasil dan Kes Perbicaraan di Mahkamah, 1915-1919	200

SENARAI PETA

	Halaman
BAB 2:	
Peta 2.1 Negeri Kelantan	31
Peta 2.2 Balai Polis dan Penjara di Kelantan, 1904-1941	61
BAB 4:	
Peta 4.1 Kawasan Mencuri Lembu, 1909-1941	120

PENTADBIRAN JENAYAH DI KELANTAN, 1902-1941

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji pentadbiran jenayah di Kelantan antara tahun, 1902-1941. Kajian ini bertujuan untuk membuktikan bahawa perubahan sosioekonomi yang diperkenalkan oleh pentadbiran kolonial British di Kelantan merupakan punca peningkatan jenayah di Kelantan. Penyelidikan ini menggunakan kaedah sejarah dengan pendekatan kuantitatif dan kualitatif berpandukan kepada sumber pertama dan kedua. Sebahagian besar daripada kajian ini menggunakan sumber-sumber pertama seperti fail *Annual Report Kelantan*, *British Adviser Kelantan*, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Mahkamah Pasir Puteh dan rekod *Colonial Office* serta beberapa buah buku daripada kajian lepas yang berkaitan. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati tindakan pihak British memperkenalkan pentadbiran tanah baru dengan melaksanakan pelbagai sistem percukaian baru merupakan faktor penting berkembangnya jenayah di Kelantan. Hal ini terbukti apabila, jenayah mencuri di Kelantan meningkat sebanyak 98.19 peratus antara tempoh 1910-1914. Peningkatan ini merupakan peningkatan tertinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang bersempadan dengan Siam terutamanya Kedah yang hanya mencatatkan peningkatan sebanyak 51.64 peratus dalam tempoh yang sama. Malah, di bawah pentadbiran British juga, wujud beberapa jenayah baru dalam kehidupan sosial masyarakat Kelantan iaitu jenayah protes dan kekacauan serta jenayah mencuri secara kecil-kecilan.

CRIME ADMINISTRATION IN KELANTAN, 1902-1941

ABSTRACT

This thesis examines the crime administration in Kelantan, 1902-1941. This research aims to prove that the socio-economic changes introduced by the British colonial administration in Kelantan was the factor of the crime increments in Kelantan. The historical method used in this research based on quantitative and qualitative approaches referring to the primary and secondary resources. Most of these studies are using primary source such as file Annual Report of Kelantan, British Adviser of Kelantan, *Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan*, *Mahkamah Pasir Puteh* and Colonial Office as well as several books from the previous related studies. Overall, research findings show that the actions of the British introduced a new land administration by implementing the new tax system is an important factor that led to the increment of crime cases in Kelantan. It is proven when the crime of stealing has increased to 98.19 percent within the period 1910-1914. This increment is the highest compared to the other neighboring states of Siam especially Kedah, which only recorded the increment of 51.64 percent in the same period. In fact, during the British ruling, there were also several new crimes appeared in Kelantan community such as protest and chaos crime as well as petty theft.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Jenayah dan masyarakat tidak dapat dipisahkan. Namun, punca berlakunya jenayah seringkali diperdebatkan oleh para sarjana. Perbandaran dan pertumbuhan ekonomi seringkali diterima oleh sarjana sebagai punca peningkatan jenayah di sesebuah kawasan. Tetapi, pandangan John D. Rogers berkenaan dengan jenayah menarik perhatian pengkaji. Dalam bukunya, *Crime, Justice and Society in Colonial Sri Lanka*, menyatakan bahawa, antara punca berlaku peningkatan jenayah di sesebuah kawasan adalah disebabkan oleh berlakunya transisi ekonomi tradisional¹ kepada ekonomi kapitalis² yang menjadikan nilai barangan semakin tinggi.³

Pendapat John D. Rogers turut disokong oleh E. J. Hobsbawn dalam kajiannya iaitu *Bandits*⁴. E. J. Hobsbawn menyatakan bahawa perubahan sistem ekonomi tradisional kepada ekonomi kapitalis menyebabkan berlaku perubahan sosial masyarakat. Seterusnya, perubahan tersebut akan mewujudkan jenayah di sesebuah kawasan.⁵ Jadi, kenapakah faktor ini ditimbulkan dalam perbincangan

¹ Berdasarkan kepada huraian Ishak Saari, ekonomi tradisional dapat didefinisikan sebagai ekonomi yang bersifat sara diri, tertumpu kepada aktiviti pertanian dan matlamat utama mereka dalam menjalankan kegiatan pengeluaran masih untuk memenuhi keperluan hidup dan menarai keluarga mereka, bukan bertujuan untuk mengumpul modal. Lihat, Ishak Shari, *Pembangunan dan Kemunduran: Perubahan Ekonomi Luar Bandar di Kelantan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), hlm 182.

² Berdasarkan kepada huraian Lenin, ekonomi kapitalis dapat dikenalpasti apabila berlaku pengeluaran barang dagangan menjadi umum dan tenaga kerja sendiri menjadi barang dagangan. Daripada penjelasan J. D. Roger pula, ekonomi kapitalis adalah satu bentuk ekonomi yang meletakkan nilai yang tinggi terhadap barangan. Lihat, W. I. Lenin, *Imperialisme. Tingkat Tertinggi Kapitalisme: Satu Rantjangan Populer*, (Terjemahan Dalam Bahasa Indonesia), (DJakarta: Jajasan Pembaharuan, 1958), hlm 84.

³ J. D. Rogers, *Crime, Justice and Society in Colonial Sri Lanka* (London: Curzon Press Ltd, 1987), hlm 3

⁴ E. J. Hobsbawn, *Bandits*, (Middlesex: Penguin Book Ltd, 1972).

⁵ Hobsbawn, *Bandits*, hlm23.

mereka? Adakah faktor ini juga memainkan peranan utama dalam peningkatan jenayah di Kelantan di zaman pentadbiran British? Untuk menguji pendapat-pendapat ini, perbincangan ini perlu untuk melihat terlebih dahulu kepada senario jenayah yang berlaku di peringkat politik Melayu tradisional Kelantan⁶.

Di peringkat politik Melayu tradisional Kelantan, jenayah dan masyarakat lebih tertumpu kepada jenayah mencuri dan merompak. Jenayah-jenayah ini seringkali berlaku apabila hasil daripada tanaman mereka tidak menjadi. Perkara ini berlaku apabila bencana alam seperti banjir dan kemarau menyebabkan tanaman mereka rosak dan mengeluarkan hasil yang tidak memberansangkan. Hal ini akan menyebabkan para petani mengalami kesukaran untuk meneruskan kehidupan akibat daripada bekalan makanan yang diperlukan oleh mereka tidak mencukupi. Sebagaimana yang berlaku pada tahun 1881:

Sejak pertengahan tahun 1881, setelah zaman kelaparan itu bermula, tindakan-tindakan jenayah dari orang-orang yang kelaparan terjadi di mana-mana dalam negeri Kelantan iaitu “pencurian” dan “perompakan”, mereka melakukannya untuk mendapat rezeki bagi keperluan hidup harian, kalau tidak melakukan tindakan-tindakan ini, mereka akan mati kelaparan.⁷

Situasi tersebut menunjukkan bahawa mencuri dan merompak dilakukan oleh masyarakat Melayu tradisional Kelantan apabila berada dalam situasi yang tertekan. Hal ini menurut Cheah Boon Kheng, dapatlah dianggap sebagai “pertolongan diri sendiri” yang wujud dalam kalangan masyarakat luar bandar.⁸

⁶ Istilah “politik Melayu Tradisional Kelantan” pertama kali digunakan oleh Rahmat bin Saripan untuk merujuk kepada kerajaan Melayu tradisional di Kelantan. Lihat, Rahmat bin Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979).

⁷ Abdullah Bin Mohamed, “Akademi Seni Tengku Temenggung: Satu Aspek dari Sejarah Sosial Kelantan, 1879-1935”, dalam, Nik Mohamed Bin Nik Mohd. Salleh (Penyunting), *Warisan Kelantan X*, (Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1991), hlm 60-61.

⁸ Cheah Boon Kheng, *Peasant Robbers*, hlm 35.

Bukan itu sahaja, punca lain yang menyebabkan jenayah mencuri dan merompak berlaku dalam masyarakat Melayu tradisional Kelantan adalah disebabkan oleh aktiviti perjudian. Melalui judi, individu yang kalah terpaksa untuk mencuri dan merompak sebagai jalan untuk mendapatkan kembali modal pertaruhan yang lesap. Manakala, bagi yang menang judi pula, turut melakukan jenayah mencuri dan merompak untuk menambahkan lagi pendapatan yang diperolehi daripada hasil judi.⁹ Oleh yang demikian, dapatlah dinyatakan bahawa faktor keperluan makanan dan judi merupakan punca berlakunya jenayah semasa zaman politik Melayu tradisional Kelantan.

Selepas Long Yunus diangkat menjadi raja yang pertama di Kelantan, undang-undang yang awal digunakan untuk mengawal dan menghukum jenayah adalah Hukum Kanun Adat Negeri dan Tahafus Kelantan.¹⁰ Undang-undang yang dibuat pada tahun 1754 ini,¹¹ terdiri daripada 19 fasal. Di dalam fasal-fasal tersebut, dapat dikategorikan sebanyak empat jenis undang-undang iaitu undang-undang menyentuh perihal raja-raja, undang-undang jenayah, undang-undang tanah dan tanaman serta undang-undang am.

⁹ Antara perjudian yang berlaku di dalam masyarakat Kelantan adalah seperti berlaga lembu-kerbau, berlaga biri-biri dan kambing, menyabung manusia menerusi silat, menyabung ayam, burung puyuh, ikan sepilai, ikan kekaring, berlaga semut dan berlaga kukuran (alat untuk mengukur kelapa) dengan jampi-jampi menyebabkan dua kukuran berlaga. Abdullah, "Akademi Seni Tengku Temenggung", hlm 61.

¹⁰ Jelani Harun, *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*, (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008), hlm 157.

¹¹ A. Samad Ahmad, *Serangkai Warisan Sejarah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), hlm 53.

Sementara itu, sebanyak empat jenis jenayah dikemukakan melalui undang-undang ini iaitu jenayah membunuh,¹² jenayah menyerang dan merampas orang¹³,¹⁴ jenayah mencuri¹⁵ dan jenayah mengambil gundik, tunang dan isteri orang.¹⁶ Namun, daripada empat jenis jenayah ini, undang-undang ini lebih memberi tumpuan kepada jenayah membunuh dan mencuri. Maka, dapat disimpulkan bahawa jenayah merompak masih lagi tidak berlaku kerana undang-undang ini tidak menyentuh lagi berkenaan dengan jenayah tersebut.

Berdasarkan kepada undang-undang ini, jenayah mencuri dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama berkenaan dengan mencuri tanaman seperti tebu dan buah-buahan, kategori kedua berkenaan dengan mencuri harta benda seperti perahu dan pagar tanaman dan kategori ketiga berkenaan dengan mencuri ternakan seperti lembu, kerbau, kambing, ayam dan itik. Manakala, hukuman bagi jenayah tersebut dijatuhkan berdasarkan kepada situasi jenayah mencuri itu berlaku. Sebagaimana yang ditulis berdasarkan kepada fasal kesebelas perundangan ini menyatakan bahawa:

Adapun jikalau orang itu mencuri kerbau lembu, jikalau didalam kandang dicurinya, maka dendanya setahil sepaha, dan dipintanya juga harga kerbau itu dengan berapa patutnya. Jikalau ia itu mencuri di tengah padang, atau di dalam hutan - kena denda sepuluh emas dan harganya dibayar juga setengah.¹⁷

¹² Lihat, fasal keempat, fasal kelima, fasal keenam, fasal ketujuh, fasal kelapan, fasal kesembilan, fasal keenam belas dan fasal ketujuh belas Hukum Kanun Adat Negeri dan Tahafus Kelantan. Dalam, *ibid*, hlm 55-65.

¹³ Merampas orang merujuk kepada merampas isteri, anak perempuan, hamba perempuan tanpa diketahuhi daripada yang berhak ke atas mereka. Lihat, *ibid*, hlm 55-61.

¹⁴ Lihat, fasal keempat, fasal kelapan, fasal ketujuh belas dan fasal kelapan belas. Dalam, *ibid*, hlm 55-65.

¹⁵ Lihat, fasal kesebelas, fasal ketiga belas, fasal kelima belas dan fasal kesembilan belas. Dalam, *ibid*, hlm 59-71.

¹⁶ Lihat, fasal kelima, fasal ketujuh, fasal kesembilan, fasal kesepuluh, fasal kedua belas, fasal keempat belas, fasal kelima belas, fasal kelapan belas dan fasal kesembilan belas. Dalam, *ibid*, hlm 55-73.

¹⁷ *Ibid*, hlm 60.

Jelasnya, hukuman tersebut tidak hanya menunjukkan hukuman terhadap penjenayah mencuri ternakan. Bahkan, melalui hukuman tersebut juga, *modus operandi* jenayah mencuri ternakan yang berlaku pada ketika itu turut dinyatakan. Seterusnya, dapatlah dinyatakan bahawa jenayah mencuri ternakan seperti lembu dan kerbau telahpun wujud sebelum kedatangan British di Kelantan. Walau bagaimanapun, statistik jenayah secara sistematik pada ketika ini masih belum wujud sehinggalah kedatangan W. A. Graham¹⁸ ke Kelantan. Masalah ini menyebabkan kesukaran untuk memperjelaskan secara terperinci perkembangan jenayah mencuri lembu yang berlaku pada tempoh itu.

Apabila Sultan Muhammad II (1837-1886) memerintah negeri Kelantan, baginda cuba untuk mengawal jenayah dengan memperkenalkan sistem perundangan berasaskan kepada perundangan Islam. Sistem perundangan ini diperkenalkan oleh baginda apabila berlakunya peningkatan jenayah mencuri dan merompak pada pertengahan tahun 1881.¹⁹ Melalui perundangan ini, hukuman terhadap pencuri adalah hukuman potong tangan. Menurut W. A. Graham:

*“In his old age he grew very short –tempered and ruled his people with some harshness, inflicting capital punishment with frequency, and practicing mutilation as a penalty for theft. His tyranny, however, secured peace to the State”.*²⁰

¹⁸ Menurut perjanjian yang ditandatangani di London pada 6 Oktober 1902, kerajaan Siam hendaklah menghantar seorang Penasihat dan seorang penolongnya ke Kota Bharu, Kelantan untuk memberi nasihat kepada Raja Kelantan dan semua perkara kecuali adat istiadat orang Melayu Kelantan dan agama Islam. Dipersetujui juga bahawa Penasihat yang akan dihantar ke Kelantan mestilah seorang pegawai British yang berkhidmat dengan kerajaan Siam. Dengan itu, seorang Penasihat Siam dilantik di Kelantan. Jawatan itu dipegang oleh orang British, iaitu William Armstrong Graham pada tahun 1903. W. A. Graham berpengalaman dalam bidang pentadbiran, iaitu berkhidmat di Burma (British Burma) dan kemudian berkhidmat dengan kerajaan Siam di pejabat tanah di Bangkok. Walaupun rakyat British, W. A. Graham lebih kepada pro-Siamese. Lihat, Nik Haslinda, *Pentadbiran Kolonial*, hlm 74.

¹⁹ Abdullah, “Akademi Seni Tengku Temenggung”, hlm 60.

²⁰ W. A. Graham, *Kelantan: A State of the Malay Peninsula*, (Glasgow: James Maclehose and Sons, 1908), hlm 47-48.

Melalui petikan tersebut jelas menunjukkan hukuman potong tangan digunakan untuk menghukum pesalah curi. Walaupun hukuman ini dilihat sebagai satu tindakan kasar atau zalim, tetapi hukuman ini mampu untuk menjaga keamanan negeri. Malah, perkara ini juga mendapat sokongan daripada Hugh Clifford. Menurut beliau, perundangan Islam yang diamalkan pada zaman ini mendapat sokongan daripada rakyat Kelantan dan mampu untuk menjadi benteng penghalang berlakunya jenayah di Kelantan.²¹

Pada zaman pemerintahan Sultan Mansur di Kelantan (1891-1900), pembaharuan dan penyusunan dalam sistem kehakiman dan keselamatan dilakukan oleh baginda. Hal ini bertujuan untuk menambahkan lagi keberkesanan kerajaan dalam usaha mengatasi jenayah dan menghukum penjenayah. Antara pembaharuan dan penyusunan yang dilakukan oleh baginda adalah memperkenalkan sistem perundangan Islam ke dalam pentadbiran kehakiman, mewujudkan sebuah Mahkamah Adat yang membicarakan khusus kes jenayah, membina penjara negeri dan menubuhkan pasukan polis negeri yang terdiri daripada bangsa Sikh dan India dari Singapura.²² Sekaligus, hal ini menunjukkan bahawa sebelum kedatangan W. A. Graham, pembaharuan dan penyusunan sistem kehakiman dan keselamatan telahpun dilakukan.

Menurut Abdullah Alwi Haji Hassan, pada zaman pemerintahan Sultan Mansur, jenayah mencuri dan merompak dapat dikawal berikutan dengan keberkesanan sistem perundangan dan keselamatan negeri yang ada pada ketika itu.²³

²¹ Abdullah Alwi Haji Hassan, *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), hlm 5.

²² Nik Haslinda Nik Hussain, *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan, 1881-1941*, (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2011), hlm 31.

²³ Abdullah Alwi, *Islamic Law*, hlm 8.

Hujahan beliau ini adalah berdasarkan kepada kes Tok Senu yang berlaku pada zaman Sultan Mansur:

*“Unreported and narrated to me by Hajjah Cik Mek Binti Yusof (Born in 1800s) Padang Tok Mat, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan. Tok Senu who lived in Ketereh was known for being a cunning thief. After his hand was mutilated, the village was free from thieves. The fear of being brought to the Mahkamah Balai to undergo such a punishment put a stop to thievery...”*²⁴

Berdasarkan kepada kes yang dikemukakan oleh beliau ini, menunjukkan bahawa, hukuman terhadap pesalah curi pada zaman Sultan Mansur mampu untuk menimbulkan perasaan takut dalam diri rakyat untuk tidak melakukan jenayah tersebut. Secara tidak langsung, “ketakutan” ini menjadi satu benteng untuk membendung jenayah daripada berlaku di Kelantan. Maka, tidak hairanlah kerana, menurut Zaini Nasohah, undang-undang berasaskan kepada perundangan Islam yang diamalkan di Kelantan telah berjaya untuk mewujudkan keharmonian dan berterusan sehingga tahun 1900.²⁵

Akan tetapi, selepas tahun 1900, keadaan jenayah di Kelantan berada dalam keadaan tidak terkawal. Perkara ini disebabkan oleh kelemahan dalam sistem keselamatan dan perundangan akibat daripada campurtangan Siam dalam perundangan Kelantan dan pengaruh golongan atasan dalam sistem perundangan dan keselamatan. Oleh kerana wujudnya faktor-faktor ini, menyebabkan jenayah di Kelantan semakin berkembang.²⁶ Walau bagaimanapun, selepas W. A. Graham dilantik menjadi Penasihat Siam di Kelantan pada tahun 1903, pembaharuan dan penyusunan semula pentadbiran negeri dilakukan bertujuan untuk mengatasi masalah ini.

²⁴ *Ibid*, hlm 22.

²⁵ Zaini Nasohah, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia: Sebelum dan Menjelang Merdeka*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 2004), hlm 14.

²⁶ *Report on the State of Kelantan For the Period, August 1903-August 1904*, (Bangkok: Government Printer, 1904), hlm 5-12.

Dalam usaha itu, W. A. Graham cuba untuk menguatkan kuasa raja, memperbaharui dan menyusun semula pelbagai jabatan kerajaan serta mengkaji dan memperkemaskan pentadbiran luar bandar.²⁷ Lebih jelas lagi, pembaharuan yang dilakukan oleh W. A. Graham adalah melibatkan penyusunan semula sistem pentadbiran tanah, sistem pentadbiran negeri, sistem pentadbiran kewangan dan sistem pentadbiran jajahan. Secara keseluruhannya, pembaharuan ini memperkukuhkan sistem pentadbiran tradisional iaitu sistem pentadbiran yang sedia ada sebagai satu agensi bagi pemerintah asing dan moden.²⁸ Hal ini menunjukkan bahawa segala bentuk pembaharuan yang dilakukan oleh W. A. Graham bukanlah mewujudkan perkara asing bagi rakyat Kelantan. Maka, tidak hairanlah di dalam pentadbiran W. A. Graham, tidak berlaku sebarang protes rakyat.

Di dalam sistem pentadbiran negeri, pembaharuan dan penyusunan yang dilakukan oleh W. A. Graham adalah melibatkan jabatan polis, penjara dan kehakiman. Jabatan polis yang sedia ada diperbaharui dan disusun supaya menjadi lebih teratur, berdisiplin dan lebih cekap untuk mengawal jenayah. Jabatan penjara juga diperbaharui dan disusun supaya menjadi lebih kemas dan mampu untuk menampung lebih banyak banduan. Manakala, jabatan kehakiman diperbaharui dan disusun supaya lebih berkesan untuk mengadili dan menguruskan perbicaraan kes-kes yang dikemukakan ke mahkamah. W. A. Graham juga turut mewujudkan enakmen keseksaan, awam dan hasil untuk memudahkan pembahagian dan pengurusan kes-kes yang dikemukakan ke mahkamah.²⁹

²⁷ Mohamed b. Nik Mohd. Salleh, "Kelantan in Transisition: 1891-1910", dalam William R. Roff (Penyunting), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974), hlm 42.

²⁸ Nik Haslinda, *Pentadbiran Kolonial*, hlm 52.

²⁹ Mohamed, "Kelantan in Transisition", hlm 43.

Di peringkat pentadbiran jajahan pula, pembaharuan dan penyusunan dilakukan oleh W. A. Graham untuk menambahkan lagi kecekapan pihak kerajaan mengatasi jenayah yang berlaku di kawasan luar bandar. Pembaharuan dan penyusunan ini melibatkan pembentukan jajahan baru dan menubuhkan pejabat daerah di jajahan tersebut. Misalnya pada tahun 1904, jajahan Pasir Puteh ditubuhkan iaitu di sebuah kawasan yang berdekatan dengan Terengganu. Penubuhan jajahan ini bertujuan untuk mengatasi jenayah mencuri lembu yang berlaku di kawasan tersebut.³⁰ Tugas-tugas Tok Kweng³¹ juga turut diperkembangkan oleh W. A. Graham terutamanya untuk menambahkan lagi keberkesanan mereka mengatasi masalah jenayah di kawasan luar bandar.

Perkara ini kerana, semasa W. A. Graham bertugas di Kelantan, jenayah utama yang dihadapi oleh W. A. Graham adalah jenayah mencuri lembu yang berlaku di kawasan luar bandar. Hal ini dapat dijelaskan melalui laporan yang dikemukakan oleh W. A. Graham iaitu:

*How to deal effectively with cattle theft is still the most difficult problem in connection with rural administration.*³²

Berdasarkan kepada laporan tersebut menunjukkan bahawa jenayah mencuri lembu merupakan satu masalah yang sukar untuk diatasi dalam pentadbiran W. A. Graham. Masalah yang berlaku melibatkan hubungan antara pentadbiran pusat dan luar bandar menyebabkan masalah ini gagal dikawal secara berkesan. Oleh sebab itu,

³⁰ Nik Haslinda, *Pentadbiran Kolonial*, hlm 61.

³¹ Pada zaman Sultan Muhammad II, penyerapan unsur-unsur Siam ke dalam sistem pentadbiran negeri terutamanya sistem pentadbiran luar bandar dilakukan. Oleh itu, sistem Tok Kweng diperkenalkan sebagai satu jawatan bagi ketua kepada beberapa buah mukim yang dibantu oleh imam serta dilantik oleh Sultan sendiri. Manakala, antara sistem lain adalah sistem Tok Nebeng yang merupakan jawatan Ketua Kampung diwujudkan dan ditugaskan untuk menjaga keamanan di kawasan kampung masing-masing. Lihat, Nik Haslinda, *Pentadbiran Kolonial*, hlm 25 dan Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979), hlm 69.

³² *Report of the State of Kelantan, For the Period 1st August 1904, to 31st August, 1905*, (Bangkok: Government Printer, 1905), hlm 18.

pembaharuan dan penyusunan di peringkat pentadbiran jajahan dilakukan bertujuan untuk mengatasi masalah ini.

Tambahan lagi, tindakan W. A. Graham memperbaharui dan menambah jumlah balai dan bilangan anggota polis menambahkan lagi keberkesanan untuk mengatasi masalah ini. Sebagai hasilnya, pada 1904-1905, jenayah mencuri lembu direkodkan sebanyak 17 kes dan sebanyak 26 orang penjenayah telah berjaya ditangkap oleh pihak polis.³³ Manakala, pada tahun 1908, jenayah mencuri lembu direkodkan sebanyak 98 kes.³⁴

Sementara W. A. Graham melakukan perubahan dengan memperbaharui sistem yang sedia ada Kelantan, perkara sebaliknya berlaku selepas kemasukan British. Sebagai sebuah kuasa kolonial, kedatangan British sekaligus mengubah ekonomi Kelantan daripada ekonomi tradisional kepada ekonomi kapitalis. Perubahan ini berlaku apabila pihak British memansuhkan sistem kerah dan serah³⁵, pajak, hamba dan orang berhutang serta sistem yang memberi keistimewaan pelepasan cukai kepada orang-orang tertentu.³⁶ Seterusnya, pihak British mewujudkan pelbagai cukai-cukai baru dan menjadikan tanah sebagai komoditi yang boleh dijual dan hak miliknya didaftarkan dan seterusnya dikenakan cukai. Akhirnya,

³³ Jumlah ini berdasarkan kepada kes-kes yang direkodkan selama 7 bulan iaitu dari bulan Ogos 1904 sehingga bulan Februari 1905. *ibid*, hlm 22.

³⁴ *Report of the State of Kelantan, For the Period 15th February 1907, to 4th February 1908*, (Bangkok: Government Printer, 1909), hlm 27.

³⁵ Sistem kerah adalah satu kaedah mengawal tenaga manusia untuk tujuan seperti melaksanakan kerja-kerja negeri dan raja membina kota, mengangkut barang dan kayu, membuat jalan, mengorek tanah, serta membuat persediaan dan kelengkapan perang dengan perbelanjaan yang minimum. Manakala, sistem serah pula merupakan bayaran cukai ke atas barang-barang serah yang dibawa oleh golongan pemerintah ke kampung-kampung. Barang-barang yang dibayar oleh penduduk kampung melalui sistem serah ini akan diagihkan oleh ketua kampung. Lihat, Nik Haslinda, *Pentadbiran Kolonial*, hlm 25.

³⁶ *Ibid*, hlm 85.

wang menjadi satu unsur yang penting bagi rakyat Kelantan terutamanya untuk tujuan membayar cukai, sewa, sukat dan jual beli.³⁷

Antara cukai-cukai yang diperkenalkan oleh pihak British di Kelantan adalah seperti Peraturan Pembekalan dan Hasil Hutan, Peraturan Tanah Baru 1914 dan lesen lembu. Cukai-cukai ini sememangnya membebankan rakyat khususnya para petani. Berdasarkan kepada Peraturan Tanah Baru 1914, rakyat terpaksa untuk membayar cukai berasaskan kepada tanah yang dimiliki. Perkara ini bertentangan dengan corak amalan cukai pada sebelumnya iaitu cukai dibayar hanya berdasarkan kepada hasil tanaman yang diusahakan. Kesulitan untuk membayar cukai ini dirasakan oleh rakyat Kelantan khususnya petani apabila hasil daripada tanaman mereka tidak menjadi. Hal ini berlaku apabila tanaman mereka ditenggelami oleh banjir besar pada tahun 1915.³⁸ Akhirnya, situasi sebegini menyebabkan rakyat berdepan dengan situasi yang tertekan. Akibatnya, situasi ini memaksa mereka untuk melakukan jenayah sebagai cara untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka dan juga sebagai cara untuk mendapatkan sumber kewangan.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Perkara ini dibincangkan dengan lebih lanjut pada bab dua kajian ini.

Jadual 1.1

Statistik Jenayah di Kelantan 1911-1915

Perkara/Tahun	1907	1910	1915
Bunuh	15	6	18
Menyerang	240	171	174
Mencuri ³⁹	533	918	1439
Menceroboh	T.D	T.D	10
Pecah Rumah	8	1	51
Pecah Rumah Waktu Malam	41	50	125
Merompak	23	T.D	28
Merompak Berkumpulan	1	18	21
Jumlah Keseluruhan	861	1164	1866

(Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada *Report of the State of Kelantan, For the Period 15th February 1907, to 4th February 1908, Annual Report of the Police Department for the Year 1328* dan *Annual Report Kelantan 1915*.)

Nota: T.D: Tiada Dilaporkan.

Berdasarkan kepada Jadual 1.1, menunjukkan peningkatan jumlah keseluruhan kes sebanyak 1005 pada 1915 berbanding tahun 1907. Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa jumlah kes jenayah mencuri mengalami peningkatan yang paling ketara iaitu sebanyak 1439 kes pada tahun 1915 berbanding 533 kes pada tahun 1907. Selain daripada jenayah mencuri, jenayah bunuh, jenayah menceroboh, pecah rumah dan merompak turut menunjukkan peningkatan pada tahun 1915 berbanding tahun 1907. Manakala, hanya jenayah menyerang sahaja yang menunjukkan penurunan berbanding dengan jenayah-jenayah lain iaitu sebanyak 174 kes dilaporkan pada tahun 1915 berbanding dengan 240 kes pada tahun 1907. Penurunan ini disebabkan oleh pengharaman penggunaan keris di kawasan bandar dan tempat awam pada tahun 1911.⁴⁰

³⁹ Pada zaman pentadbiran British, 1909-1941, statistik jenayah mencuri lembu digabungkan dengan statistik jenayah mencuri. Lihat, *A. R. K.*, 1909-1941.

⁴⁰ *A. R. K.*, 1911, hlm 8.

Jelasnya, peningkatan kes seperti kes mencuri yang berlaku pada zaman pentadbiran British menunjukkan bahawa perubahan sistem ekonomi mempengaruhi perkembangan jenayah di Kelantan. Malahan, peningkatan jenayah yang berlaku tidak hanya wujud sebagai pertolongan diri sendiri rakyat bawahan, tetapi juga gambaran protes rakyat untuk menentang pembaharuan ekonomi yang diungkapkan secara tidak langsung oleh rakyat melalui jenayah. Hal ini terbukti pada tahun 1915 apabila berlakunya gerakan protes yang diketuai oleh Tok Janggut untuk menentang sistem cukai baru yang bercanggah dengan amalan cukai sebelum kedatangan British.⁴¹

Maka, dengan kewujudan protes ini mewujudkan satu senario baru yang membezakan di antara ketiga-tiga zaman iaitu zaman politik Melayu tradisional Kelantan, zaman pentadbiran W. A. Graham dan zaman pentadbiran British. Oleh itu, protes ini dapat dijadikan pengukur tahap keseriusan permasalahan sosial dan ekonomi rakyat Kelantan dalam membuat perbandingan di antara ketiga-tiga zaman tersebut. Tambahan lagi, kesan daripada protes tersebut mewujudkan suasana yang huru-hara. Seterusnya, situasi tersebut diambil kesempatan oleh rakyat untuk melakukan jenayah. Maka, tidak hairanlah jenayah mencuri meningkat pada tahun 1915 berbanding tahun 1907.

Akhirnya, permasalahan protes dan juga peningkatan jenayah yang berlaku menyebabkan pihak British mencari jalan untuk mengatasi masalah ini daripada terus berleluasa. Antara langkah yang diambil oleh pihak British untuk mengatasi jenayah di Kelantan adalah mengubah polisi pentadbiran dengan memberi penekanan terhadap permasalahan rakyat di luar bandar. Antara penekanan tersebut ialah

⁴¹ Hal ini akan dibincangkan dengan teliti pada bab 5 kajian ini.

mewujudkan Majlis Mesyuarat Pengawa dan Undang-undang Tanah 1926 hingga membawa kepada Enakmen Tanah 1938.⁴²

1.2 Sorotan Literatur

Berlandaskan kepada pentadbiran jenayah di Kelantan, 1902-1941, beberapa hujahan dan pendapat daripada sarjana selain daripada John. D. Roger dan Hobsbawn akan dibincangkan. Dalam ekonomi tradisional, cukai serah dan kerah merupakan cukai yang utama yang terpaksa dihadapi oleh rakyat dalam hubungan antara rakyat, tanah dan pihak pemerintah. Mengikut Cheah Boon Kheng dalam kajiannya *The Peasant Robbers of Kedah 1900-1929: Historical and Folk Perceptions* menyatakan bahawa, cukai serah dan kerah yang diamalkan ini memberi tekanan terhadap golongan petani di Kedah.⁴³

Menurut Cheah Boon Kheng, tekanan ini berlaku apabila golongan petani menjelaskan hasil kerah. Hal ini kerana golongan petani yang berkerja bagi menjelaskan hasil kerah tidak mampu untuk menanam padi melebihi keperluan hidup mereka. Jika ada jumlah lebihan sekalipun akan dirampas oleh kerajaan. Tambahan Cheah Boon Kheng lagi, perkara ini jelas menggambarkan bahawa golongan petani merupakan golongan yang ditindas oleh golongan atasan. Sekaligus, penindasan ini mendapat perhatian daripada pihak British untuk memansuhkan sistem tersebut. Walau bagaimanapun, selepas sistem ini dihapuskan oleh pihak British pada tahun 1909, penindasan dan tekanan hidup yang dialami oleh golongan petani semakin bertambah.⁴⁴

⁴² Nik Haslinda, *Pentadbiran Kolonial*, hlm 141-193.

⁴³ Cheah Boon Kheng, *Peasant Robbers*, hlm 34

⁴⁴ *Ibid*, hlm 34.

Perkara ini kerana, selepas kemasukan British ke Kedah, pelbagai jenis cukai diperkenalkan oleh pihak British untuk meningkatkan kutipan hasil negeri. Antara cukai yang terpaksa dibayar oleh golongan petani seperti lesen lembu, lesen memburu, lesen mengutip hasil hutan dan lesen membersihkan hutan. Kesulitan untuk meneruskan kehidupan paling dirasai oleh golongan petani apabila berlaku bencana alam seperti banjir dan kemarau yang merosakkan tanaman mereka. Akhirnya, dengan adanya tekanan hidup yang seperti ini menyebabkan mereka melakukan jenayah seperti merompak, mencuri dan pecah rumah sebagai cara untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka.⁴⁵

Berlandaskan kepada pendapat daripada Cheah Boon Kheng ini, perbandingan antara ekonomi tradisional dan kapitalis perlu untuk dibincangkan. Berkisar kepada percukaian dalam ekonomi tradisional, Mahani Musa dalam kajiannya iaitu *Sejarah dan Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*⁴⁶ menyatakan bahawa dalam pelaksanaan sistem kerah, penghulu bertanggungjawab mengerah rakyat dan mengutip sewa tanah bagi pihak Sultan. Golongan penghulu ini seringkali menyalahgunakan kuasa mereka dengan menyeleweng hasil kutipan sewa tanah. Hasilnya, penghulu mendapat kekayaan dan pengaruh.⁴⁷

Namun, beliau juga menyatakan bahawa sistem kerah ini mengalami proses pembaikan pada tahun 1905. Dalam sistem hasil kerah yang baru ini, rakyat meskipun masih tertakluk kepada kerja kerah tidak boleh dikerah pada musim menanam dan menuai padi. Peraturan ini dibentuk bagi membolehkan rakyat mengusahakan tanah sawah milik sendiri. Setiap orang tidak dibenarkan melakukan kerja kerah lebih dari

⁴⁵ *Ibid*, hlm 35

⁴⁶ Mahani Musa, *Sejarah dan Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah, 1881-1940*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005).

⁴⁷ Mahani Musa, *Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah*, hlm 42.

dua bulan dalam tempoh setahun dan hak mengerah rakyat tertakluk kepada kuasa kerajaan.⁴⁸ Pembaharuan ini, walaupun sedikit, mengurangkan tekanan terhadap golongan petani. Secara tidak langsung, perkara ini menunjukkan bahawa sistem percukaian dalam ekonomi tradisional telahpun diperbaharui sebelum kedatangan British ke Kedah.

Hal yang sama juga berlaku di Kelantan, sistem cukai serah dan kerah telah diperbaharui oleh W. A. Graham dengan jelasnya berdasarkan kepada *Capitation Tax and Corvee Regulation, 1904*.⁴⁹ Secara tidak langsung, untuk melihat masalah jenayah di Kelantan, tumpuan dialihkan kepada masalah ekonomi yang dialami oleh rakyat dalam tempoh pentadbiran British. Melihat kepada kajian Nik Haslinda Nik Hussain iaitu *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan, 1881-1941* permasalahan ekonomi yang berlaku dalam zaman pentadbiran British amat ketara dalam aspek cukai khususnya penguatkuasaan Peraturan Tanah 1914 yang begitu membebankan. Peraturan ini jelasnya lebih membebankan daripada sistem cukai terdahulu kerana rakyat wajib membayar cukai walaupun hasil daripada tanah tersebut tidak menjadi. Peraturan ini amatlah bercanggah dengan amalan pembayaran cukai sebelum kedatangan British. Tambahan beliau lagi, pembaharuan pentadbiran yang dilakukan oleh pihak British adalah pencetus kepada konflik dan penentangan rakyat.⁵⁰

⁴⁸ Mahani Musa, *Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah*, hlm 42-43.

⁴⁹ Perkara ini dibincangkan dengan lebih lanjut pada bab dua kajian ini.

⁵⁰ Nik Haslinda, *Pentadbiran Kolonial*, hlm 96.

Kajian Nik Haslinda Nik Hussain ini seolah-olah disokong oleh Cheah Boon Kheng dalam tulisannya iaitu *To' Janggut: Legends, Histories, and Perceptions of the 1915 Rebellion in Kelantan*.⁵¹ Di dalam kajian beliau menunjukkan bahawa, cukai tanah baru yang diperkenalkan oleh pihak British memberi bebanan terhadap rakyat Kelantan. Akhirnya, kesan daripada bebanan yang wujud daripada cukai baru ini menyebabkan rakyat melakukan protes untuk menentang cukai tersebut.⁵² Maka, dapat dikatakan bahawa sistem ekonomi di zaman pentadbiran British lebih membebankan dari zaman sebelumnya.

Malahan, bebanan yang wujud dalam sistem ekonomi di zaman pentadbiran British turut dikupas oleh Shaharil Talib. Artikelnya iaitu *Voice From The Kelantan Desa, 1900-1940*⁵³, menjelaskan bahawa kesulitan hidup golongan petani semakin bertambah selepas British mengambil alih pentadbiran Kelantan. Perkara ini kerana, pembaharuan melibatkan aspek pemilikan tanah menyebabkan golongan petani menghadapi kesulitan untuk meneruskan kehidupan mereka. Secara dasarnya, para petani perlu untuk memohon tanah, mendapatkan geran dan membayar hasil untuk tanah yang dikerjakan. Tetapi, terdapat juga tanah yang dibayar hasil oleh rakyat turut dirampas oleh pihak kerajaan. Selain daripada itu, melalui pembaharuan ini juga, rakyat Kelantan kehilangan hak-hak warisan mereka seperti hak-hak memungut hasil hutan, memburu dan memancing.⁵⁴

Akhirnya, kesulitan ini menimbulkan pelbagai konflik dalam kehidupan rakyat di luar bandar. Masalah ini dikupas oleh Shaharil Talib dalam artikelnya yang bertajuk *Peasant Anger Throughout the Ages: An East Coast Malay Peninsular*

⁵¹ Cheah Boon Kheng, *To' Janggut: Legends, Histories, and Perceptions of the 1915 Rebellion in Kelantan*, (Singapore: Singapore University Press, 2006).

⁵² Cheah Boon Kheng, *To' Janggut*, hlm 80-82.

⁵³ Shaharil Talib, "Voice From the Kelantan Desa", *Modern Asia Studies*, Vol 17, No 2, (1983).

⁵⁴ Shaharil Talib, "Kelantan Desa", hlm 177-193.

Experience.⁵⁵ Menurut beliau, konflik ini wujud apabila pelbagai protes dilakukan oleh rakyat terhadap pihak tertentu umpamanya pihak-pihak estet. Umumnya, punca berlakunya protes tersebut adalah melibatkan tanah. Malah, rakyat juga melakukan protes terhadap kerajaan apabila mengubah penanda tanah atau batu sempadan yang dibuat oleh pihak kerajaan.⁵⁶ Berdasarkan kepada masalah ini, menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan antara bebanan hidup rakyat dan jenayah di kawasan luar bandar.

Seterusnya, tulisan yang mengkaji masalah jenayah semasa zaman pentadbiran British di Kelantan adalah kajian Rosidah Binti Mahmod dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk “Perkembangan Jenayah di Kelantan di Antara Tahun 1910-1940”.⁵⁷ Berdasarkan kepada kesimpulan kajian yang dilakukan, beliau menyatakan bahawa tahun-tahun 1910 hingga 1920 merupakan tahun paling buruk jenayah berlaku di Kelantan. Perkara ini berikutan transisi yang dialami oleh Kelantan iaitu pertukaran naungan dari Siam kepada pihak British menimbulkan keadaan huru-hara sepertimana yang dicetuskan oleh Tok Janggut dan pengikut-pengikutnya. Juga, Rosidah menyatakan bahawa keadaan ekonomi yang tidak stabil akibat daripada berlakunya Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 dan zaman kemelesetan ekonomi merupakan punca jenayah di Kelantan.⁵⁸ Tambahan Rosidah lagi, perkara ini berikutan dengan suasana ekonomi yang lembap, pengeluaran makanan yang tidak mencukupi dan ditambah lagi dengan masalah pelbagai cukai yang dikenakan oleh pihak British terhadap rakyat mendorong mereka melakukan jenayah.⁵⁹

⁵⁵ Shaharil Talib, “Peasant Anger Throughout the Ages: An East Coast Malay Peninsular Experience”. Dalam, *MIH*, Vol. 28, 1985,

⁵⁶ Shaharil Talib, “Peasant Anger Throughout the Ages”, hlm19-20.

⁵⁷ Rosidah Binti Mahmod, “Perkembangan Jenayah di Kelantan di Antara Tahun 1910-1940”, Latihan Ilmiah (Tidak Diterbitkan), (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1987).

⁵⁸ *Ibid*, hlm 43.

⁵⁹ *Ibid*, hlm 23.

Di samping faktor kemelesetan ekonomi, Rosidah juga turut mengemukakan punca berlakunya jenayah di Kelantan adalah disebabkan oleh faktor kelemahan dalam pentadbiran serta kelemahan dalam pasukan keselamatan.⁶⁰ Hujahan daripada Rosidah ini disokong oleh Nordin Hussin dan Shakimah Che Hasbullah dalam artikel mereka iaitu “Pentadbiran Kolonial Inggeris di Negeri-Negeri Selat dan Usaha Membentras Jenayah”⁶¹ yang turut sama menyatakan bahawa kelemahan dari sistem perundangan dan penguatkuasaan undang-undang melibatkan pasukan polis yang sedia ada tidak dapat menangani masalah jenayah yang berlaku di Negeri-negeri Selat dalam tempoh pemerintahan British. Perkara ini menyebabkan pihak pentadbiran British mengambil langkah memperkukuhkan sistem perundangan dan pasukan keselamatan.⁶²

Berbeza dengan tulisan Charles Michael Hawksley iaitu “Administrative Colonialism: District Administration and Colonial ‘Middle Management’ in Kelantan 1909-1919 and the Eastern Highlands of Papua New Guinea 1947-1957”.⁶³ Beliau menyatakan bahawa langkah untuk memperkukuhkan sistem perundangan dan keselamatan telahpun berlaku semenjak kemasukan W. A. Graham lagi iaitu selepas termeterainya Perjanjian British–Siam, 1902. Tulisannya membincangkan secara teliti berkenaan dengan pembaharuan dari segi pasukan polis, sistem kehakiman dan sistem penjara di Kelantan.

⁶⁰ *Ibid*, hlm 43.

⁶¹ Nordin Hussin dan Shakimah Che Hasbullah, “Pentadbiran Kolonial Inggeris di Negeri-Negeri Selat dan Usaha Membentras Jenayah”, *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 7 (5(special)), (2011).

⁶² Nordin dan Shakimah, “Usaha Membentras Jenayah”, hlm 141.

⁶³ Charles Michael Hawksley, “Administrative Colonialism: District Administration and Colonial ‘Middle Management’ in Kelantan 1909-1919 and the Eastern Highlands of Papua New Guinea 1947-1957”. Tesis Phd, (Wollongong: University of Wollongong, 2001).

Beliau menjelaskan bahawa pasukan polis Kelantan yang sedia ada iaitu sebelum kedatangan W. A. Graham adalah tidak cekap, kurang efisien dan tidak berdisiplin dan turut menyatakan bahawa undang-undang di setiap balai polis adalah berbeza. Oleh kerana itu, W. A. Graham telah menyusun semula sistem pasukan polis tetapi ada sesetengahnya dikekalkan. Berkenaan dengan sudut perundangan pula, tulisannya menyatakan bahawa W. A. Graham menolak sistem perundangan syariah iaitu pesalah bunuh dihukum dengan hanya didenda dengan membayar sejumlah wang dan kemudiannya bebas.⁶⁴

Dari sudut mahkamah pula, beliau menyatakan bahawa W. A. Graham telah merangka satu peraturan "bagi penubuhan mahkamah di mana didapati perlu" (Rang Undang-Undang No 3 tahun 1903), tujuannya untuk menubuhkan satu sistem mahkamah hierarki. Melalui sistem mahkamah ini, Mahkamah Syariah dikekalkan dan diketuai oleh para imam dan haji. Tetapi, struktur Mahkamah Sivil telah dibahagikan kepada Mahkamah Kes Kecil dengan seorang hakim dan Mahkamah Pusat dengan tiga hakim iaitu seorang daripada mereka adalah bekas Penolong Pesuruhjaya yang bernama Luang Tammarat. Manakala, Mahkamah Tinggi berfungsi sebagai Mahkamah Rayuan dipengerusikan oleh Sultan Kelantan dan bapa saudara baginda iaitu Tungku Sri Perkuma Raja.⁶⁵

Sesuatu yang agak menarik dalam perbincangannya ialah beliau menyatakan bahawa Kelantan merupakan sebuah negara Islam tetapi tidak mematuhi undang-undang Islam dalam semua perkara. Perkara ini disebabkan oleh sistem kehakiman di Kelantan dipisahkan antara Islam dan kuasa raja. Hal ini berlaku sebelum kedatangan

⁶⁴ Hawksley, "Administrative Colonialism", hlm 117-124.

⁶⁵ *Ibid*, hlm 125-126.

W. A. Graham ke Kelantan.⁶⁶ Berkenaan dengan sistem penjara pula, beliau menyatakan bahawa pengurusan penjara agak tidak memuaskan. Hal ini kerana, tembakau dan candu dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam penjara.⁶⁷

Oleh sebab itu, W. A. Graham mengubah sistem pengurusan penjara yang sedia ada bertujuan untuk memantapkan lagi pengurusan penjara di Kelantan. Tulisan beliau juga turut menyentuh berkenaan dengan perihal jenayah yang berlaku di Kelantan. Beliau menyatakan bahawa jenayah mencuri merupakan jenayah utama yang dilakukan oleh masyarakat Kelantan dan kadar jenayah meningkat dalam tahun 1914 hingga 1919.

Untuk lebih memperjelaskan lagi senario jenayah yang berlaku semasa politik Melayu tradisional Kelantan, tulisan Abdullah bin Mohamed dalam “Akademi Seni Tengku Temenggung: Satu Aspek dari Sejarah Sosial Kelantan, 1879-1935” dibincangkan. Beliau menyatakan bahawa walaupun dilakukan pembaharuan dari segi perundangan semasa zaman Sultan Muhammad II, jenayah mencuri dan merompak yang berlaku kesan daripada bencana alam pada pertengahan tahun 1881 masih lagi gagal untuk dikawal.⁶⁸ Jelasnya, situasi ini menunjukkan bahawa kesanggupan rakyat untuk melakukan pelbagai perkara dalam situasi yang menekan mereka untuk meneruskan kehidupan.

1.3 Pemasalahan Kajian.

Sungguhpun telah terdapat beberapa pengkaji yang melihat kesan perubahan pentadbiran yang berlaku di Kelantan, kebanyakannya kurang menfokuskan kajian mereka dalam membincangkan kesan ekonomi dan sosial dalam menghubungkaitkan

⁶⁶ *Ibid*, hlm 124.

⁶⁷ *Ibid*, hlm 129-130.

⁶⁸ Abdullah, “Akademi Seni Tengku Temenggung”, hlm 60-61.

dengan jenayah yang berlaku di Kelantan. Jika ada sekalipun, masih lagi meninggalkan lowongan dalam melihat hubungan antara pentadbiran British dengan jenayah yang berlaku. Umpamanya, Rosidah Binti Mahmud membangkitkan faktor kelemahan sistem keselamatan sebagai punca jenayah semasa zaman British di Kelantan. Persoalannya, mengapa perkara ini masih lagi menjadi faktor meningkatnya jenayah di Kelantan? Walhal, kajian Charles Micheal Hawskey dengan jelas menyatakan bahawa semenjak kemasukan W. A. Graham lagi aspek ini telah diperbaharui.

Jika ditinjau dalam sistem pentadbiran British di Kelantan, pelbagai perubahan telah dilakukan khususnya dalam bidang ekonomi dengan memperkenalkan sistem baru menggantikan sistem lama yang sebelum ini diamalkan oleh rakyat Kelantan. Aspek cukai khususnya dilihat telah mengalami perubahan yang ketara dan beberapa pengkaji terdahulu seperti Nik Haslinda Nik Hussain serta Cheah Boon Kheng menyatakan ia amat membebankan rakyat. Masalah ini dilihat kurang dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu khususnya Rosidah Binti Mahmud dalam menghubungkaitkan dengan masalah jenayah yang berlaku di Kelantan. Secara tidak langsung, perkara ini menimbulkan beberapa persoalan khususnya kesan pembaharuan British ke atas perkembangan jenayah yang berlaku. Sejauh manakah faktor ekonomi memainkan peranan dalam perkembangan jenayah di Kelantan? Berdasarkan kepada kesan kemasukan pentadbiran kolonial, Cheah Boon Kheng jelasnya menggunakan masalah cukai sebagai masalah utama dalam melihat jenayah yang berlaku di Kedah. Maka, masalah ini amat penting untuk diperhalusi di Kelantan.

Melihat kepada peningkatan jumlah jenayah yang berlaku di Kelantan, semestinya masalah ini menarik perhatian pihak British untuk melakukan satu tindakbalas bagi mengatasi masalah ini. Hal ini kerana kegiatan jenayah yang berlaku secara tidak langsung memberi kesan terhadap kelicinan perjalanan pentadbiran mereka. Perkara seperti ini kurang mendapat perhatian daripada pengkaji terdahulu. Oleh itu, persoalannya, apakah langkah yang diambil oleh British serta kesan langkah tersebut terhadap jenayah di Kelantan? Oleh yang demikian, kajian ini cuba untuk merungkai segala persoalan yang timbul berkenaan dengan pentadbiran jenayah di Kelantan, 1902-1941.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada perbincangan tentang pentadbiran jenayah di Kelantan antara tahun 1902 hingga 1941, objektif pertama kajian ini adalah mengkaji dan membincangkan pentadbiran perundangan dan keselamatan di Kelantan dari tahun 1902 hingga 1941. Objektif ini dibuat kerana terdapat sebahagian pendapat daripada sarjana mengaitkan punca berlaku peningkatan jenayah disebabkan oleh kelemahan sistem perundangan dan keselamatan semasa zaman pentadbiran British di Kelantan. Oleh itu, perkembangan perundangan dan keselamatan di Kelantan perlu untuk dilihat dan dikaji dalam menilai keberkesanan perundangan dan keselamatan dalam tempoh kajian ini.

Sehubungan dengan itu, objektif kedua kajian ini adalah menganalisis sosio-ekonomi masyarakat dan jenayah-jenayah yang berlaku di Kelantan antara tahun 1902 hingga 1941. Kajian terhadap jenayah penting untuk dilakukan dalam usaha untuk mengetahui hubungan antara kesan perubahan sistem ekonomi dengan peningkatan jumlah kes jenayah semasa pentadbiran British di Kelantan. Selain

daripada itu, kajian berdasarkan kepada jenayah juga dapat mengetahui *modus operandi* yang digunakan oleh penjenayah dan dapat mengenalpasti penjenayah dari segi kawasan, bangsa dan kedudukan sosial penjenayah dalam masyarakat.⁶⁹

Sementara itu, jenayah yang berlaku seharusnya memberi kesan terhadap pihak kerajaan. Kesan ini tidak hanya melibatkan perubahan polisi pentadbiran tetapi turut melibatkan kesan terhadap ekonomi yang harus dihadapi pihak kerajaan. Oleh itu, objektif ketiga kajian ini adalah mengkaji kesan jenayah terhadap ekonomi British, 1909-1941.

1.5 Skop Kajian

Fokus utama kajian ini adalah kepada pentadbiran jenayah di Kelantan antara tahun 1902 sehingga 1941. Negeri Kelantan dipilih sebagai fokus kajian kerana pengkaji mendapati bahawa berlaku peningkatan kes jenayah yang tinggi selepas British campurtangan di negeri ini. Jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang bersempadanan dengan Siam seperti Kedah, Kelantan merekodkan peningkatan jumlah jenayah mencuri paling tinggi.⁷⁰ Malahan, jika dibandingkan dengan negeri-negeri seperti Kedah dan Terengganu, Kelantan merekodkan kewujudan protes rakyat yang paling awal berbanding dengan negeri-negeri tersebut iaitu pada tahun 1915.⁷¹ Oleh itu, pengkaji ingin meneliti perubahan-perubahan yang dilakukan oleh

⁶⁹ Rogers, *Crime, Justice and Society*, hlm 11.

⁷⁰ Perkara ini berdasarkan kepada pemerhatian terhadap tahun-tahun selepas berlakunya Perjanjian British-Siam 1909. Antara tahun 1909 hingga 1914, jenayah mencuri yang paling tinggi berlaku di Kedah ialah sebanyak 1247 kes iaitu pada tahun 1914. Manakala di Kelantan, jumlah jenayah mencuri yang paling tinggi adalah sebanyak 1603 kes pada tahun yang sama. Lihat, Cheah Boon Kheng, *Peasant Robbers*, hlm 29 dan *A. R. K.*, 1914, hlm xvi.

⁷¹ Hal ini kerana, selepas berlakunya Perjanjian British-Siam pada tahun 1909, negeri Kedah menunjukkan ketiadaan protes rakyat walaupun pihak British melaksanakan pelbagai pembaharuan ekonomi khususnya cukai di negeri tersebut. Di Terengganu pula, kewujudan Undang-Undang Tubuh (Pelembagaan) Negeri Terengganu 1911 menghalang pihak British untuk melibatkan diri dalam pentadbiran kerajaan Terengganu. Namun, tidak dinafikan protes rakyat juga berlaku di Terengganu pada tahun 1928 iaitu lewat 13 tahun daripada protes rakyat di Kelantan. Untuk keterangan lanjut,